
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

EKC 202 – Kimia Analitis

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak dan SATU muka surat Lampiran sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan: Jawab LIMA (5) soalan. Jawab SEMUA (2) soalan dari Bahagian A. Jawab mana-mana TIGA (3) soalan dari Bahagian B.

Pelajar hendaklah menjawab semua soalan dalam Bahasa Malaysia.

Bahagian A : Jawab SEMUA soalan.

1. [a] Lakarkan kelok penitratan untuk 50.0 mL larutan 5×10^{-3} M Cd^{2+} dengan 0.01 M larutan EDTA pada pH 10. Ujikaji ini dijalankan dengan kehadiran ammonia yang berkepekatan malar pada sepanjang penitratan tersebut. (Pemalar pembentukan untuk Cd^{2+} - EDTA ialah 2.9×10^{16} , $\alpha_{\text{y}^{4-}} = 0.35$ dan $\alpha_{\text{cd}^{2+}}$ ialah 0.0881)

[15 markah]

- [b] Berikan dua jenis ralat ujikaji. Terangkan

[5 markah]

2. [a] Huraikan perbezaan asas di antara perkara berikut:

- [i] Kromatografi pemencilan saiz dan kromatografi penukaran ion
[ii] Kromatografi partisi dan kromatografi penjerapan

[5 markah]

- [b] Berikan definisi berikut:

- [i] Kromatografi fasa biasa
[ii] Kromatografi fasa terbalik

[5 markah]

- [c] Senaraikan ciri-ciri persamaan dan kebaikan Kromatografi Cecair Berprestasi Tinggi (HPLC) dan kromatografi gas

[10 markah]

Bahagian B : Jawab mana-mana TIGA soalan.

3. [a] Terangkan komponen-komponen asas bagi spektrofotometer alur tunggal dan dua alur. Lakarkan gambarajah blok untuk kedua-dua spektrofotometer tersebut.

[10 markah]

- [b] Satu stoikiometri bagi kompleks logam-ligan telah ditentukan melalui kaedah variasi berterusan. Satu siri larutan telah disediakan di mana kombinasi kepekatan untuk logam dan ligan adalah malar pada 5.15×10^{-4} M. Keserapan bagi larutan-larutan ini telah diukur pada panjang gelombang di mana hanya kompleks logam-ligan menyerap. Dengan menggunakan data dalam Jadual S.3 [b], tentukan formula bagi kompleks tersebut.

...3/-

Jadual S.3 [b]

Pecahan mol Logam M	Keserapan
1.0	0.001
0.9	0.123
0.8	0.260
0.7	0.389
0.6	0.515
0.5	0.642
0.4	0.775
0.3	0.771
0.2	0.513
0.1	0.253
0.0	0.000

[10 markah]

4. [a] Jadual S.4 [a] menyenaraikan keserapan molar untuk kompleks Arsenazo kobalt dan nikel pada panjang gelombang yang dipilih. Tentukan panjang gelombang yang optimum untuk analisis campuran bagi kobalt dan nikel.

Jadual S. 4 [a]

Panjang gelombang (nm)	ϵ_{Co}	ϵ_{Ni}
595	7100	11900
600	7200	15500
607	7400	18300
611	6900	19300
614	7000	19300
620	7100	17800
626	8400	16300
635	9900	10900
641	10500	7500
645	10000	5300
650	8600	3500
655	6600	2200
658	6500	1900
665	3900	1500
670	2800	1500
680	1500	1800

[10 markah]

- [b] Molariti-molariti berikut telah dikira daripada replikasi pempiawaian satu larutan: 0.5026, 0.5029, 0.5023, 0.5031, 0.5025, 0.5032, 0.5027 dan 0.5026 M. Dengan mengandaikan tidak wujud ralat tentu, dalam julat apakah nilai sebenar min molariti itu berada pada tahap keyakinan 95%?

[4 markah]


...4/-

- [c] Kirakan kepekatan ion Ni^{2+} pada keseimbangan di dalam larutan dengan kepekatan NiY^{2-} pada 0.015 M dan pH 3.

(Diberi $K_{\text{NiY}} = 4.2 \times 10^{18}$, pada pH 3, $\alpha_4 = 2.5 \times 10^{-11}$)

[6 markah]

5. [a] Rajah S. 5 [a] menunjukkan gambarajah skema suatu kromatograf. Berdasarkan rajah tersebut, tuliskan nota-nota ringkas bagi menentukan kadar alir gas pembawa.



Rajah S. 5 [a]

[3 markah]

- [b] Anda diberikan campuran dua (2) sebatian X dan Y untuk dianalisa dan ciri-ciri sebatian tersebut dijadualkan dalam Jadual S. 5 [b]:

Jadual S. 5 [b]

Sebatian	Takat Didih, °C	Takat Lebur, °C	Suhu Pencucuhan °C	Ketumpatan Spesifik, g/sm ³ pada 20°C	Tekanan wap, kPa pada 20°C
X	64.5	- 98	455	0.79	128
Y	98.5	- 114	390	0.81	16.5

Huraikan jenis turus dan alat pengesan yang anda akan gunakan untuk penentuan campuran X dan Y, dan kenapa?

Anda dikehendaki memperincikan prinsip alat pengesan yang dipilih dalam jawapan anda.

[7 markah]

...5/-

Lampiran

Values of t for v degrees of freedom for various confidence levels.

v	Confidence Level				
	80%	90%	95%	99%	99.5%
1	3.08	6.314	12.706	63.657	127.32
2	1.89	2.920	4.303	9.925	14.089
3	1.64	2.353	3.182	5.841	7.453
4	1.53	2.132	2.776	4.604	5.598
5	1.48	2.015	2.571	4.032	4.773
6	1.44	1.943	2.447	3.707	4.317
7	1.42	1.895	2.365	3.500	4.029
8	1.40	1.860	2.306	3.355	3.832
9	1.38	1.833	2.262	3.250	3.690
10	1.37	1.812	2.228	3.169	3.581
15	1.36	1.753	2.131	2.947	3.252
20	1.35	1.725	2.086	2.845	3.153
25	1.34	1.708	2.060	2.787	3.078
∞	1.29	1.645	1.960	2.576	2.807

^av = N - 1 = degree of freedom

Values of F at the 95% confidence level.

$v_1 = 2$	3	4	5	6	7	8	9	10	15	20	30
$y_2 = 2$	19.0	19.2	19.2	19.3	19.3	19.4	19.4	19.4	19.4	19.4	19.5
3	9.55	9.28	9.12	9.01	8.94	8.89	8.85	8.81	8.79	8.70	8.66
4	6.94	6.59	6.39	6.26	6.16	6.09	6.04	6.00	5.96	5.86	5.80
5	5.79	5.41	5.19	5.05	4.95	4.88	4.82	4.77	4.74	4.62	4.56
6	5.14	4.76	4.53	4.39	4.28	4.21	4.15	4.10	4.06	3.94	3.87
7	4.74	4.35	4.12	3.97	3.87	3.79	3.73	3.68	3.64	3.51	3.44
8	4.46	4.07	3.84	3.69	3.58	3.50	3.44	3.39	3.35	3.22	3.15
9	4.26	3.86	3.64	3.48	3.37	3.29	3.23	3.18	3.14	3.01	2.94
10	4.10	3.71	3.48	3.33	3.22	3.14	3.07	3.02	2.98	2.85	2.77
15	3.68	3.29	3.06	2.90	2.79	2.71	2.64	2.59	2.54	2.40	2.33
20	3.49	3.10	2.87	2.71	2.60	2.51	2.45	2.39	2.35	2.20	2.12
30	3.32	2.92	2.69	2.53	2.42	2.33	2.27	2.21	2.16	2.01	1.93

Rejection quotient Q, at 90% confidence level.

No. of Observations	Q_{90}
3	0.94
4	0.76
5	0.64
6	0.56
7	0.51
8	0.47
9	0.44
10	0.41